

TEKS UCAPAN
Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHAS MESEJ DARIPADA PERDANA
MENTERI DAN MAJLIS PENYERAHAN KERETA PERONDA & KENDERAAN
KECEMASAN SEMPENA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDIL FITRI
3 SEPTEMBER 2010
10.00 PAGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, SERDANG

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt yang telah memberikan kita kekuatan dan kelapangan untuk sama-sama berkumpul pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana sudi memberi kesempatan kepada saya untuk menggantikan beliau bagi menyempurnakan upacara pelancaran program khas Mesej Daripada Perdana Menteri bersempena perayaan Aidil Fitri 2010 dan seterusnya penyerahan kereta peronda serta ambulans pada hari ini. YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan salam dan ucapan Selamat Hari Raya beliau kepada anda semua. Saya difahamkan, Program Khas Mesej daripada Perdana Menteri, sempena Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini, adalah kali yang kedua diadakan.

2. Dalam suasana kemeriahan dan kegembiraan kita menyambut Syawal yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi, dua peristiwa penting iaitu Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos yang lalu dan Hari Malaysia yang bakal disambut pada 16 September ini hendaklah sentiasa dihayati dan difahami dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh. Kita semua perlu sedar bahawa, tanpa pengorbanan, iltizam dan wawasan pemimpin-pemimpin kita terdahulu,

keamanan dan keharmonian yang kita kecapai pada hari ini tidak mungkin dapat dirasakan oleh kita semua.

3. Maka dengan itu, berbekalkan asas kukuh yang telah tersedia, Kerajaan sentiasa bertekad bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Malaysia baik dari segi sosial dan ekonomi akan terus dipertingkatkan. Strategi-strategi baru yang disesuaikan dengan perubahan persekitaran negara serta global, dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat, dijadikan asas kepada pembentukan negara dalam tempoh sepuluh tahun akan datang dalam usaha kita mencapai wawasan negara maju.

4. Semangat 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan telah dijadikan tunjang kepada setiap program dan dasar baru Kerajaan. Semangat inilah yang akan merealisasikan kejayaan Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sepuluh. Semangat kecintaan yang mendalam terhadap negara perlu dipupuk dalam diri setiap individu kerana jatuh bangun negara Malaysia ini terletak di atas tangan kita semua.

5. Alhamdulillah, dengan langkah-langkah yang telah diambil dan tindakan *affirmative* oleh Kerajaan, ekonomi Negara telah pun kembali pulih dan berada pada landasan yang kukuh. Keluaran Dalam Negara Kasar pada suku kedua tahun ini telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.9 peratus dan Kerajaan yakin, sasaran pertumbuhan 6 peratus pada tahun ini akan dapat dicapai.

6. Hasil daripada pelaksanaan program-program yang dirancang oleh Kerajaan selama ini sebenarnya telah membolehkan negara kita mencapai kemajuan sosioekonomi yang seimbang. Walaupun dengan era globalisasi yang begitu mencabar pada hari ini, kita masih mampu berdiri sama tinggi dan duduk

sama rendah malahan menandingi negara-negara yang telah lebih dahulu mencapai kemerdekaan. Kesedaran rakyat mengenai ilmu pengetahuan yang tinggi juga telah membolehkan negara ini berevolusi daripada sebuah negara yang berteraskan pertanian kepada perindustrian dan seterusnya kepada sebuah negara yang berteraskan k-ekonomi atau ekonomi berpengetahuan dan sektor perkhidmatan. Hari ini kita boleh berbangga dengan rangkaian jalan raya yang mampu menghubungkan seluruh negara dan lebuhraya yang bertaraf dunia. Bukan sahaja di darat, sistem pengangkutan udara pada hari ini juga jauh lebih ekonomi dan mampu digunakan oleh sebahagian besar rakyat Malaysia. Rangkaian perhubungan yang efisien pada hari ini telah membolehkan ekonomi kita terus berkembang dan seterusnya memberikan manfaat kepada penduduk negara. Kemudahan infrastruktur yang lengkap ini juga telah menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara kita. Ini pastinya membolehkan kita mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan.

7. Sebuah negara yang maju terdiri daripada rakyatnya yang berdisiplin dan berpengetahuan. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia sememangnya mengutamakan pembangunan modal insan yang berkualiti. Dalam hubungan ini, elemen pendidikan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain ilmu pengetahuan yang tinggi, daya ketahanan diri dan disiplin turut merupakan sebahagian daripada kunci utama dalam membentuk modal insan yang seimbang baik dari aspek fizikal mahupun spiritual.

8. Dalam konteks ini, bulan Ramadhan sememangnya merupakan medium yang amat sesuai bagi melatih diri kita agar lebih berdisiplin dan meningkatkan ketahanan diri. Sekiranya budaya positif ini dapat dipupuk secara berterusan dan diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di negara kita, saya pasti satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, bersatu-padu dan bertamadun dapat diwujudkan.

9. Pada hari ini, selain pesanan dan mesej dari YAB Perdana Menteri yang kita akan lihat sebentar nanti, saya juga mengambil kesempatan ini memohon keperihatinan setiap pengguna jalan raya khususnya para pemandu untuk melaksanakan tanggungjawab memandu dengan berhemah, patuhi undang-undang dan peraturan, cermat dan bersikap berhati-hati ketika memandu pulang ke kampung halaman atau destinasi yang dituju. Ingatlah, kita mahu bergembira menyambut Hari Raya dan bukannya berduka dan bersedih kerana ada di antara orang yang disayangi terbabit di dalam kemalangan jalan raya. Saya berharap untuk Ops Sikap ke-22 sempena Aidil Fitri yang telah bermula pada hari ini akan memberi kesedaran kepada semua pengguna jalan raya agar sentiasa mengutamakan keselamatan serta bersama-sama untuk mengurangkan kadar kemalangan terutamanya di musim perayaan ini. Saya percaya Kerajaan boleh meletakkan ratusan kanopi polis, ribuan pegawai polis bertugas tetapi jika sikap kita sebagai pengguna jalan raya tidak mahu berubah, maka setiap tahun kita akan melihat angka-angka lebih kurang sama dalam Ops Sikap terdahulu.

10. Justeru pada hari ini juga saudara saudari para pelajar akan menjadi agen perubahan dan sebagai *role model* kepada masyarakat dalam membudayakan lagi amalan memandu dengan berhemah dan menghormati pengguna lain. Budaya ini harus diterap dan menjadi amalan semasa menggunakan jalan raya dan bukannya bersifat bermusim. Saya harap saudara dan saudari akan menghayati dan menyampaikan pesanan YAB Perdana Menteri ini kepada rakan-rakan dan kaum keluarga.

11. Bagi menghadapi pertambahan trafik dan peningkatan tahap keselamatan ketika orang ramai pulang ke kampung, syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah mengumumkan pelbagai langkah tambahan seperti Jadual Perjalanan untuk pelbagai destinasi di Semenanjung Malaysia, diskaun tol pada hari-hari

tertentu, membuka lebih banyak pondok tambahan di plaza-plaza tol, meningkatkan rondaan pasukan ronda, serta menempatkan lebih ramai petugas di kawasan-kawasan rehat dan lebuh raya.

12. Selain daripada itu, lebih banyak kenderaan pasukan kecemasan seperti ambulans dan kenderaan tunda akan disediakan di lokasi-lokasi strategik di sepanjang lebuh raya bagi mengurangkan masa bertindak apabila berlaku sebarang kecemasan. Bilangan kereta peronda polis juga ditambah bagi memastikan pengguna mematuhi undang-undang jalan raya.

13. Sukacita saya mengumumkan bahawa pada hari ini pihak PLUS Expressway akan menyerahkan 3 buah ambulans kepada Persatuan Bulan Sabit Merah dan 3 buah ambulans kepada St John Ambulance untuk digunakan bermula pada musim perayaan ini. Dengan adanya ambulans-ambulans tambahan ini, saya percaya bantuan ketika berlaku kemalangan dan kecemasan di lebuh raya akan mendapat respon yang lebih pantas. PLUS Expressway juga akan menyerahkan 15 buah kereta peronda polis untuk digunakan oleh PDRM bagi meningkatkan operasi penguatkuasaan undang-undang di sepanjang lebuh raya.

14. Saya percaya dengan pelbagai langkah dan inisiatif daripada Kerajaan, sektor korporat serta kerjasama pengguna jalan raya, kemalangan akan dapat dikurangkan. Saya juga memanjatkan doa dan berharap tiada kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa pada musim perayaan ini.

15. Akhir sekali, saya mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah, St John Ambulance, PLUS Expressway Bhd serta Lembaga Lebuhraya Malaysia dan lain-lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.